

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**

**KAWASAN : ALOR GAJAH**

**TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 13**

**SOALAN**

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesannya kepada pasaran kereta terpakai jika pelaksanaan *End Life Vehicle Policy (ELV)* di bawah NAP 2014.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan mengambil berat mengenai kesan penggunaan kenderaan berusia ke atas keselamatan jalan raya serta usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar. Namun demikian, Kerajaan juga prihatin terhadap impak pelaksanaan dasar tempoh jangka hayat kenderaan atau dengan izin, *End Life Vehicle* (ELV) ke atas pengguna dan juga pihak industri automotif tempatan.

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, Kerajaan telah memperkenalkan pemeriksaan kenderaan secara sukarela bagi tujuan memastikan kenderaan adalah selamat dan sesuai digunakan di jalan raya. Oleh yang demikian, Kerajaan hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan program-program promosi mengenai ELV bagi meningkatkan tahap kesedaran pihak industri dan orang awam terhadap kepentingan keselamatan kenderaan.

Selain itu, NAP 2014 turut menekankan perkara-perkara asas yang melibatkan ELV diwujudkan terlebih dahulu melalui pelaksanaan aktiviti 3R (*Reduce, Reuse* dan *Recycle*), termasuk aktiviti mengawal selia industri kitar semula dan pengilangan semula (*remanufacturing*) industri automotif.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan dasar ELV.